



**JABATAN PERHUTANAN SABAH  
( SABAH FORESTRY DEPARTMENT )**

Laman Web (*Website*): [www.forest.sabah.gov.my](http://www.forest.sabah.gov.my)

**Ibu Pejabat Perhutanan  
( Forestry Headquarters )**

Km 11, Jalan Utara  
Beg Berkunci (*Locked Bag*) 68  
90009, Sandakan  
Sabah, Malaysia  
Tel: +6089-242500  
Fax : +6089-671303/672579



Sila catit rujukan kami apabila menjawab surat ini. (*Please quote our reference in any reply to this letter.*)

**Ruj. Tuan:**

(*Your Ref.*)

**Ruj. Kami: JPHTN/KKH:100-4/1/JLD 3/(65)**

(*Our Ref.*)

26 Mei 2017

Timbalan Ketua Konservator Hutan (Pembangunan)  
Timbalan Ketua Konservator Hutan (Pengurusan)  
Timbalan Ketua Konservator Hutan (Penyelidikan & Pembangunan)  
Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan Sektor Hutan)  
Penolong Kanan Ketua Konservator Hutan (Keusahawanan Pengurusan Hutan)  
Ketua Bahagian Ekonomi, Industri & Statistik  
Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Ketua Bahagian Belanjawan & Kewangan  
Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Hutan  
Ketua Bahagian Pengurusan Hutan Lestari  
Ketua Bahagian Pengurusan Projek Perkhidmatan Awam  
Ketua Bahagian Siasatan, Penguatkuasa dan Pendakwaan  
Ketua Bahagian Komunikasi, Korporat dan Inovasi  
Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Ketua Bahagian Khidmat Personel & Perjawatan  
Pengetua Institut Perhutanan Sabah, Telupid

Pegawai MCEE TAWAU - Fax: 089-772643  
Pegawai MCEE KENINGAU - Fax: 087-338721  
Pegawai MCEE KUDAT - Fax: 088-663523  
Pegawai MCEE KOTA KINABALU - Fax: 088-912563  
Pegawai MCEE SANDAKAN - Fax: 089-213920

Pegawai Perhutanan Daerah SANDAKAN - Fax: 089-211941  
Pegawai Perhutanan Daerah BELURAN - Fax: 089-211941  
Pegawai Perhutanan Daerah TELUPID - Fax: 089-518896  
Pegawai Perhutanan Daerah TONGOD - Fax: 087-721102  
Pegawai Perhutanan Daerah KINABATANGAN - Fax: 089-561526  
Pegawai Perhutanan Daerah DERAMAKOT - Fax: 089-844002  
Pegawai Perhutanan Daerah KOTA KINABALU - Fax: 088-762157  
Pegawai Perhutanan Daerah BEAUFORT - Fax: 088-762157  
Pegawai Perhutanan Daerah SIPITANG - Fax: 087- 822172  
Pegawai Perhutanan Daerah RANAU - Fax: 088-876291  
Pegawai Perhutanan Daerah KENINGAU - Fax: 087-332244  
Pegawai Perhutanan Daerah NABAWAN - Fax: 087-366206  
Pegawai Perhutanan Daerah SOOK - Fax: 087-365595  
Pegawai Perhutanan Daerah TAMBUNAN - Fax: 088-898500

...2/-

**KAMI MENYASARKAN MENJADI YANG TERBAIK  
WE AIM TO BE THE BEST**

Pegawai Perhutanan Daerah, TENOM - Fax: 087-736751  
Pegawai Perhutanan Daerah, TIBOW - Fax: 087-744002  
Pegawai Perhutanan Daerah, TAWAU - Fax: 089-764004  
Pegawai Perhutanan Daerah, LAHAD DATU - Fax: 089-883018  
Pegawai Perhutanan Daerah, KALABAKAN - Fax: 089-799000  
Pegawai Perhutanan Daerah, KUNAK - Fax: 089-851862  
Pegawai Perhutanan Daerah, SERUDONG - Fax: 089-794002  
Pegawai Perhutanan Daerah, SEMPORNA - Fax: 089-784928  
Pegawai Perhutanan Daerah, KUDAT - Fax: 088-612933  
Pegawai Perhutanan Daerah, KOTA BELUD - Fax: 088-976722  
Pegawai Perhutanan Daerah, KOTA MARUDU - Fax: 088-662264  
Pegawai Perhutanan Daerah, PITAS - Fax: 088-621812  
Pegawai Perhutanan Daerah, UIU SEGAMA MALUA - Fax: 089-842101

Tuan,

**PEKELILING KETUA KONSERVATOR HUTAN CF: 21/2017  
PERALIHAN KUASA MENGELUARKAN LESEN EKSPORT DAN IMPORT  
BAGI PRODUK KAYU DARI MTIB KE JABATAN PERHUTANAN SABAH  
MULAI 01 JUN 2017**

Dengan hormatnya perkara yang tersebut di atas dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa mulai 01 Jun 2017, kuasa untuk mengeluarkan lesen eksport dan import produk kayu di Sabah akan diambil alih oleh Jabatan Perhutanan Sabah daripada pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sehubungan dengan keputusan Jemaah Menteri Persekutuan pada 09 November 2012 yang telah meluluskan supaya kuasa untuk mengeluarkan lesen eksport produk kayu diturunkan kepada Jabatan Perhutanan Sabah. Jemaah Menteri Persekutuan juga turut bersetuju pada 28 Ogos 2013 supaya kuasa untuk mengeluarkan lesen import bagi produk kayu juga diturunkan kepada Jabatan Perhutanan Sabah.

Keputusan Jemaah Menteri Persekutuan tersebut dilaksanakan melalui beberapa mekanisma seperti berikut:

- i) Pindaan kepada Perintah Kastam (Larangan Eksport & Import)
  - a) Perintah Kastam (Larangan Eksport) 2017: P.U (A) 102 berkuatkuasa 01 April 2017 dengan memasukkan Jabatan Perhutanan Sabah sebagai pengeluar lesen eksport bagi produk kayu di Jadual Kedua dan Jadual Tiga Bahagian II.
  - b) Perintah Kastam (Larangan Import) 2017: P.U (A) 103 berkuatkuasa 01 April 2017 dengan memasukkan Jabatan Perhutanan Sabah sebagai pengeluar lesen import bagi produk kayu di Jadual Kedua Bahagian I dan Jadual Tiga Bahagian III.
- ii) Perintah CITES (Pindaan kepada Jadual 1 dan Jadual 2) 2017 berkuatkuasa 01 Jun 2017.

Dengan pindaan ini Management Authority (MA) termasuk pengeluar Permit CITES dan penguatkuasaan Akta CITES bagi produk kayu yang tersenarai dalam senarai CITES adalah Jabatan Perhutanan Sabah.

...3/-

- iii) Malaysia Timber Industry Board (Incorporation) (Exemption) Order 2017 - P.U. (A) 139/2017 berkuatkuasa 01 Jun 2017 dengan mengecualikan pendaftaran aktiviti sebagai pengeksport, pengimport, pengendali jeti dan pembekal kayu bagi Sabah.
- iv) Penguatkuasaan Forest (Timber) Enactment 2015, Forest (Timber) (Registration) Regulations 2017 dan Forest (Timber) (Compounding of Offences) 2017.

Undang-undang ini memberikan kuasa pendaftaran aktiviti-aktiviti sebagai pengeksport, pengimport, pengendali jeti dan pembekal kayu bagi Sabah termasuk penguatkuasaannya dan untuk mengeluarkan lesen eksport dan import bagi produk kayu.

Dengan penguatkuasaan undang-undang baru ini, mana-mana individu atau syarikat yang terlibat dengan pengeksportan/pengimportan/pengendalian jeti bagi produk kayu untuk tujuan eksport dan import dan membekal produk kayu untuk eksport bagi produk kayu di dalam definisi "timber" di dalam Forest (Timber) Enactment 2015 hendaklah perlu berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Sabah sebelum menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan.

Perlaksanaan sepenuhnya peralihan kuasa ini akan mengiktiraf/mengambil kira Sijil-Sijil Pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh pihak MTIB yang masih sah/valid termasuk "Lesen Eksport"/Sijil Kontraktor Kilang dan Sijil Kontraktor Pengimport yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah yang mana mempunyai tujuan yang hampir sama dengan pendaftaran MTIB, dengan tujuan untuk tidak membebankan pihak industri kayu-kayuan dari segi pembayaran yuran berulang dan untuk mengelakkan masalah pentadbiran di kesemua pihak yang terlibat. Dengan demikian, selaras dengan peruntukan Seksyen 52(1)(2)(3)(4) & (5) Forest (Timber) Enactment 2015, mana-mana Sijil-Sijil Pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh pihak MTIB yang masih sah/valid dan "Lesen Eksport"/Sijil-Sijil Kontraktor Jabatan Perhutanan yang berkaitan selepas 01 Jun 2017 dianggap **telah berdaftar** selaras dengan keperluan Forest (Timber) Enactment 2015 dan tertakluk dengan pematuhan peruntukkan-peruntukkan Forest (Timber) Enactment 2015, Forest (Timber) (Registration) Regulations 2017 dan Forest (Timber) (Compounding of Offences) 2017. Jabatan Perhutanan Sabah akan mengiktiraf mana-mana validiti Sijil Pendaftaran MTIB/"Lesen eksport"/Sijil Kontraktor Jabatan Perhutanan Kilang yang akan tamat terkemudian. Pengiktirafan Sijil Pendaftaran MTIB/"Lesen eksport"/Sijil Kontraktor Jabatan Perhutanan sebagai bersamaan atau "equivalent" dalam tempoh peralihan (iaitu sehingga kesemua Sijil Pendaftaran/Lesen eksport/Sijil Kontraktor yang masih valid tamat tempohnya) adalah seperti berikut:

- i. Sijil Pendaftaran Pengeksport MTIB bersamaan "Lesen Eksport dengan tempoh satu tahun" Jabatan Perhutanan Sabah.
- ii. Sijil Pendaftaran Pengimport MTIB bersamaan dengan "Sijil Kontraktor Pengimport" Jabatan Perhutanan Sabah.
- iii. Sijil Pembekal Kayu Untuk Eksport MTIB bersamaan dengan "Sijil Kontraktor Kilang" Jabatan Perhutanan Sabah.

Untuk tujuan penyelarasan dan pemantauan, Jabatan Perhutanan Sabah akan mengeluarkan "Sijil Perakuan Pendaftaran Dalam Tempoh Peralihan" kepada semua syarikat yang telah berdaftar dengan MTIB/Jabatan Perhutanan Sabah yang menyatakan tarikh validiti kedua-kedua Sijil Pendaftaran/"Lesen Eksport"/Sijil Kontraktor di dalam Sijil berkenaan, tarikh validity terkemudian yang diiktiraf oleh Jabatan Perhutanan Sabah dan bila untuk memohon untuk mendaftar semula dengan Jabatan Perhutanan Sabah. Pengeluaran Sijil ini akan dibuat secara berperingkat dengan secepat mungkin.

Pihak MTIB akan terus membaharui Sijil pendaftaran yang akan tamat tempoh sahnya sebelum atau pada 01 Jun 2017. Jabatan Perhutanan Sabah juga akan melaksanakan pembaharuan terhadap validiti dokumen-dokumen yang bersamaan dengannya dalam tempoh yang sama.

Selepas tempoh tamat validiti Sijil Pendaftaran MTIB dan dokumen-dokumen yang bersamaan dengannya yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah, dokumen-dokumen berikut tidak lagi diperlukan/dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan dan hanya Sijil Pendaftaran bagi empat aktiviti yang diliputi oleh Forest (Timber) Enactment 2015 yang akan dikeluarkan:

- i) Pengeluaran "lesen eksport lama dengan tempoh satu tahun" oleh Jabatan Perhutanan Sabah akan dihentikan dan digantikan dengan Sijil Pendaftaran Pengeksport.
- ii) Pengeluaran "Sijil Kontraktor Pengimport" oleh Jabatan Perhutanan Sabah akan dihentikan dan digantikan Sijil Pendaftaran Pengimport.
- iii) Pengeluaran "Sijil Kontraktor Kilang" (bagi kilang yang akan mengeksport) oleh Jabatan Perhutanan Sabah akan dihentikan dan digantikan dengan Sijil Pendaftaran Pembekal Kayu Untuk Eksport.

Nota: Syarikat-syarikat yang menjalankan operasi atas nama pelesen lain (menyewa kilang) walaubagaimanapun masih perlu mendapatkan Sijil Kontraktor Kilang dari Jabatan Perhutanan Sabah dan sekiranya menjalankan aktiviti eksport, juga perlu mendapatkan Sijil Pendaftaran sebagai pembekal kayu untuk eksport.

Bagi pendaftaran baru mulai 01 Jun 2017, pengeluaran Sijil Pendaftaran akan dikeluarkan mengikut aktiviti iaitu satu Sijil Pendaftaran bagi setiap aktiviti. Kadar-kadar yuran pendaftaran perlu di rujuk di dalam Jadual 2 Forest (Timber)(Registration) Regulations 2017.

Mulai 01 Jun 2017, kesemua eksport produk kayu akan dikeluarkan berdasarkan setiap konsignmen iaitu satu konsignmen 1 lesen eksport bercetak yang dikeluarkan oleh Pegawai Perhutanan Daerah yang mempunyai pelabuhan.

Mulai 01 Jun 2017 juga kesemua pengimportan akan dikeluarkan berdasarkan konsignmen iaitu satu konsignmen 1 lesen eksport melalui Borang JK69. Walaubagaimanapun kesemua pengimport perlu memenuhi pra syarat pengimportan dimana setiap pengimport perlu mendapat kelulusan mengimport terlebih dahulu daripada Ketua Konservator Hutan sebelum berdaftar sebagai pengimport atau pengiktirafan Sijil Perakuan Pendaftaran Pengimport/Sijil Kontraktor Kilang dikeluarkan bagi yang sedia ada atau didaftarkan sebagai pengimport bagi permohonan baharu sebelum menjalankan aktiviti import.

Aktiviti-aktiviti pembekalan produk kayu untuk yang perlu berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Sabah dibawah Forest (Timber) Enakmen 2015 adalah dikategorikan seperti berikut:

- i. Pembekal balak dari Hutan Simpan dan kayu tanaman keluaran Hutan Simpan (ITP) untuk eksport.
- ii. Pembekal balak dari ladang hutan keluaran Tanah Kerajaan (State Lands) dan Tanah Milik (Alienated Lands).
- iii. Ejen Pembekal balak dari ladang hutan dari tanah milik (alienated lands/small holders) untuk eksport.
- iv. Pembekal produk kayu yang telah diproses untuk dieksport bagi yang mempunyai kilang atas nama lesen syarikat pembekal sendiri.
- v. Pembekal produk kayu yang telah diproses untuk dieksport bagi yang **tidak** mempunyai kilang tetapi mempunyai kebenaran untuk menjalankan operasi kilang berlesen atas nama syarikat yang lain dengan kelulusan Ketua Konservator Hutan (memiliki Sijil Kontraktor kilang atas nama pembekal).
- vi. Pembekal kayu tanpa kilang untuk tujuan eksport (pure traders/Pure Exporters).
- vii. Pembekal kayu import untuk dieksport semula tanpa kilang.

Hanya pembalok yang mempunyai lesen SFMLA/Form I/FIIB yang akan dikeluarkan Sijil Pendaftaran Pembekal kayu. Kontraktor Pembalok selain dari pelesen adalah tidak layak diberikan Sijil Pendaftaran Pembekal Kayu untuk eksport selaras dengan keperluan Forest Enactment 1968.

Bagi kayu tanaman, hanya pemegang lesen/pemilik geran tanah yang layak untuk berdaftar sebagai pembekal kayu tanaman untuk eksport. Contoh: Sabah Softwoods Bhd, SAFODA, Hijauan Bengkoka Sdn Bhd, Asian Forestry Sdn Bhd, Boon Rich Sdn Bhd, dan sebagainya).

Bagi ejen-ejen pembekal kayu tanaman dari tanah milik secara kecil-kecilan, hanya ejen-ejen yang mempunyai surat perjanjian dengan pemilik tanah yang akan dipertimbangkan pendaftaran sebagai pembekal kayu untuk eksport selaras dengan keperluan Sabah Timber Legality Assurance System (Sabah TLAS). Kontraktor pembalok kayu tanaman adalah tidak layak.

Syarikat pembekal kayu dari mana-mana kategori di atas yang telah berdaftar dengan MTIB dan mempunyai Sijil Pendaftaran yang masih sah atau mempunyai Sijil Kontraktor Kilang/Pengimport akan diiktiraf validitinya sehingga tamat tempoh validitinya.

Bagi pengusaha jeti yang digunakan untuk tujuan pengeksporan dan pemungahan kayu import, pendaftaran bagi aktiviti ini hanya akan dikuatkuasakan pada **01 Januari 2018**. Keperluan ini telah mengambilkira pelaksanaan pengeluaran permit daripada Jabatan Kastam dan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah khasnya dari segi penyelarasan validiti permit/lesen yang mana bermula dari 01 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.

Panduan bagi pengendalian permohonan eksport/import produk kayu yang tersenarai di dalam Akta CITES serta pendaftaran pengusaha ladang jeti akan dibuat secara berasingan.

Muka 6

JPHTN/KKH:100-4/1/JLD 3/(65) Bertarikh 26.05.2017

Panduan-panduan berikut adalah digunakan mengikut permohonan pendaftaran aktiviti:

- i) FD (EIS-G) 1/2015 – Panduan Pendaftaran Sebagai Pegusaha Jeti.
- ii) FD (EIS-G) 2/2015 – Panduan Pendaftaran Sebagai Pengimport.
- iii) FD (EIS-G) 3/2015 – Panduan Pendaftaran Sebagai Pengeksport.
- iv) FD (EIS-G) 4/2015 – Panduan Pendaftaran Sebagai Pembekal Kayu.

Walaubagaimanapun atas peredaran masa, sebahagian terma-terma yang dicetak seperti “Pengaruh Perhutanan” dan “Forest (Timber)(Registration) Regulations 2015” perlu diselaraskan dengan terma/rujukan terkini atau dikemaskini iaitu “Ketua Konservator Hutan” dan “Forest (Timber) (Registration) Regulations 2017”.


Kesemua panduan-panduan berkenaan serta Salinan Forest (Timber) Enactment 2015, Forest (Timber) (Registration) Regulations 2017 dan Forest (Timber)(Compounding of Offences) 2017 akan dimuatnaik (uploaded) didalam web Jabatan Perhutanan Sabah secepat mungkin.

Beberapa siri taklimat mengenai perkara-perkara yang disebutkan telahpun dilaksanakan baru-baru ini kepada kesemua Pegawai Perhutanan Daerah/Pegawai MCEE/ pihak syarikat terlibat dan Jabatan-Jabatan yang berkaitan.

Sila maklumkan kandungan pekeliling ini kepada kesemua kakitangan tuan.

Sekian, terima kasih.

**“WE AIM FOR THE BEST”**

  
**(DATUK SAM MANNAN)**  
**Ketua Konservator Hutan**

Muka 7

JPHTN/KKH:100-4/1/JLD 3/(65) Bertarikh 26.05.2017

---

**Salinan Kepada:**

Peguam Besar Negeri Sabah  
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah  
Tingkat 8 & 9, Menara Tun Mustapha  
889900 KOTA-KINABALU

Fax: 088-423111

Setiausaha Hasil Bumi  
Jabatan Ketua Menteri  
Tingkat 13 & 14,  
Menara Tun Mustapha  
88502 KOTA-KINABALU

Fax: 088-423363

President  
Timber Association of Sabah (TAS)  
P.O.Box 13981  
88846 KOTA KINABALU

Fax: 088-239077

President  
Sabah Timber Industries Association (STIA)  
Lot 25 & 26, Block E  
1<sup>st</sup> Floor, Phase III  
Damai Plaza, Luyang Commercial Centre  
88300 KOTA KINABALU

Fax: 088-233516

Pengarah Kastam Negeri Sabah  
Kastam DiRaja Malaysia, Sabah  
Wisma Kastam Sabah  
88596 KOTA KINABALU

Fax: 088-242160

Pengarah Wilayah  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)  
Peti Surat 177, Pos Mini Indah Permai  
88450 KOTA KINABALU

Fax: 088-498811/498833

Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah  
Bangunan Ibu Pejabat LPPS  
Jalan Tun Fuad, Tanjung Lipat  
Beg Berkunci no 2005  
888617 KOTA KINABALU

Pengarah  
Jabatan Pertanian Sabah  
Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sabah  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah  
Aras 1,5,6 dan 7  
Wisma Pertanian Sabah  
Jalan Tasik, Luyang, Off Jalan Maktab Gaya  
Beg Berkunci No 2050  
88632 KOTA KINABALU